



**TEKS UCAPAN NAIB CANSOLOR UTM
YBHG. PROF. DATUK IR. DR. WAHID BIN OMAR**

MAJLIS KALUNGAN BUDI & JUNJUNGAN KASIH

TARIKH: 15 OGOS 2014 (JUMAAT)

MASA: 8.00 MALAM

**TEMPAT: SERENA BRASSERIE, INTERCONTINENTAL
HOTEL, KUALA LUMPUR**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ
وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ،
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

Dan salam sejahtera

**Yang Berhormat Dato' Dr Muhammad Ridzuan Salleh, Pro
Canselor**

**Yang Berbahagia Tan Sri Abdul Halim b. Ali, Pengerusi
Lembaga Pengarah Universiti**

Yang diraikan

**YBhg. Tan Sri Dato' (Dr.) Wan Abdul Rahman bin Hj. Wan
Yaacob**

YBhg Prof. Dr. Md. Nor bin Musa

Ahli-ahli Lembaga Pengarah UTM

Tan Sri-Tan Sri, Dato'–Dato

Pegawai-pegawai kanan Universiti, tuan-tuan, puan-puan yang dihormati sekalian.

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dirafakkan kepada Allah SWT kerana dengan limpah rahmat dan kasihnya, kita dipertemukan lagi pada malam yang penuh bermakna ini dalam Majlis Kalungan Budi & Junjungan Kasih untuk meraikan 3 mantan Ahli Lembaga Pengarah Universiti Teknologi Malaysia.

Saya mengucapkan terima kasih kepada YBhg. Tan Sri Dato' (Dr.) Wan Abdul Rahman bin Hj. Wan Yaacob dan YBhg Prof. Dr. Md. Nor bin Musa di atas kesudian YBhg Tan Sri dan YBhg. Prof. meluangkan masa hadir ke Majlis penghargaan pada malam ini. Untuk makluman, Yang Berhormat Dato' Haji Obet bin Tawil tidak dapat bersama kita pada malam ini atas sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan.

YBhg. Tan Sri, Dato, yang dihormati sekalian,

Majlis Kalungan Budi & Junjungan Kasih diadakan sebagai salah satu wadah bagi menzahirkan rasa penghargaan dan ucapan terima kasih Universiti kepada ketiga-tiga mantan ahli Lembaga Pengarah yang diraikan ini. Sememangnya jika dapat kita hitung segala jasa dan pengorbanan yang telah dicurahkan, ternyata ia sama sekali tidak akan setimpal untuk membalas segala

sumbangan dan khidmat yang telah dicurahkan dengan penganjuran majlis seperti pada malam ini.

Jika disorot kembali, YBhg. Tan Sri Dato' (Dr.) Wan Abdul Rahman bin Hj. Wan Yaacob mula berkhidmat sebagai Ahli Lembaga Pengarah sejak 1 Ogos 2002 yang lalu. Jika dihitungkan pada tarikh akhir perkhidmatan beliau iaitu pada 14 Mac 2014, ianya telah menjangkau tempoh masa selama 11 tahun 7 bulan. YBhg. Tan Sri menabur bakti kepada UTM. Begitu pantas masa berlalu, sumbangan YBhg. Tan Sri dalam menggembelng idea, berkongsi pengalaman dan pengetahuan selain membantu menghubungkan pengurusan tertinggi Universiti dengan para Alumni UTM akan dikenang sepanjang zaman.

Seterusnya, kami di peringkat Jawatankuasa pengurusan Universiti juga amat terhutang jasa dan budi terutamanya dalam hal-hal yang melibatkan kerajaan negeri dan perkara berkaitan Johor Darul Ta'zim. Walaupun hanya bersama dalam Lembaga Pengarah UTM sekitar 3 tahun sahaja, namun komitmen yang tidak berbelah bahagi, perkongsian cadangan dan idea bernas yang dikongsi oleh Yang Berhormat Dato' Haji Obet bin Tawil kepada kami terutamanya semasa beliau menjawat jawatan Setiausaha Kerajaan Johor amat beerti dan diingati.

Selanjutnya, pihak Universiti juga amat menghargai peranan yang dimainkan oleh YBhg Prof. Dr. Md. Nor bin Musa dalam mewakili golongan profesor dan cendekiawan Universiti terutamanya dalam berkongsi sudut pandang secara lebih empirikal mengenai sesuatu isu dan perkara. Tempoh 3 tahun perkhidmatan beliau sehingga 28 Februari 2014 yang lalu secara jelas telah membantu Lembaga Pengarah Universiti dalam membuat keputusan atau menentukan sesuatu dasar.

Para Hadirin sekalian,

Pepatah melayu ada menyebut 'Patah tumbuh hilang berganti' namun saya pasti ramai yang bersetuju bahawa yang hilang tidak akan sama dengan yang mengganti. Namun, bagi memastikan UTM terus kekal relevan dalam arus kemajuan negara dan global, kita perlu terus bergerak dan melangkah ke hadapan bagi menyempurnakan amanah dan harapan agama dan bangsa bagi melahirkan graduan yang bakal memimpin dan memacu pembangunan dan kemajuan negara.

Justeru, besarlah harapan saya dan seluruh warga Universiti agar sumbangan dan perhatian YBhg. Tan Sri dan YBhg Prof. kepada UTM tidak terhenti setakat ini sahaja. Bahkan apalah kiranya masih sudi untuk terus berkongsi cerita, melakar idea, cita dan citra kepada pengurusan Universiti dalam mendepani pelbagai

cabaran dan rintangan dalam menempatkan UTM di antara universiti terulung dalam bidang teknologi dan kejuruteraan di peringkat antarabangsa.

Sebelum mengakhiri ucapan, saya bagi pihak Universiti ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih atas segala komitmen, sumbangan, jasa dan budi YBhg. Tan Sri dan YBhg Prof. sepanjang menabur khidmat dan menyemai budi sebagai Ahli Lembaga Pengarah Universiti selama ini. Sesungguhnya, ia pastinya akan dikenang dan terpahat dalam memori dan sejarah Universiti. Semoga YBhg. Tan Sri dan YBhg Prof. akan terus dikurniakan kesihatan yang baik, dimurahkan rezeki dan diluaskan ilmu pengetahuan untuk terus memberi khidmat dan manfaat kepada agama, bangsa dan negara.

Ucapan terima kasih juga diucapkan kepada YBhg. Pro- Canselor – Pro Canselor, YBhg Pengerusi dan ahli-ahli Lembaga Pengarah Universiti serta rakan-rakan pengurusan yang sudi meluangkan masa hadir untuk turut bersama berkongsi rasa pada malam ini.

**Burung kedidi pulang ke sarang
Hinggap sebentar di pohon berdahan
Budi Tuan akan dikenang
Sepanjang zaman dalam ingatan**

**Kalau ada sumur di ladang
Boleh hamba menumpang mandi
Kalau ada umur yang panjang
Boleh kita berjumpa lagi**

Sekian,

وبالله التوفيقُ والهداية،
والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته.